

01/10/2003

`Pendidikan seks bukan mengaibkan'

Nor Afzan Mohamad Yusof

"TAK habis-habis fasal pendidikan seks, kita dulu tak perlu belajar pun. Budak sekarang tak ada perkara lain ke nak tahu? Lagipun takkan kita nak ceritakan kepada mereka? Ee... malulah."

Begitu jawapan yang sering diperoleh daripada ibu bapa. Sosiobudaya masyarakat negara ini yang tebal dengan sikap malu serta mempunyai persepsi tertentu atau salah anggap terhadap seks menyebabkan isu pendidikan seks masih tiada penghujungnya.

Bukan semata-mata membabitkan perhubungan lelaki dan wanita, ia sebaliknya turut membicarakan dalam topik yang lebih luas seperti kesihatan, penjagaan serta maruah diri namun keputusannya masih sukar diperoleh.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Persatuan Perancang Keluarga Malaysia, Dr Ang Eng Suan, berkata remaja dahagakan maklumat tetapi orang terdekat seperti ibu bapa dan guru yang tidak bersedia menyebabkan wujudnya jurang di antara kedua-dua pihak.

Katanya, sekiranya tidak jelas mengenai perkara berkenaan, mereka cenderung mendapatkan maklumat yang kurang jelas atau yang boleh menimbulkan pelbagai gambaran contohnya menerusi media dan rakan sebaya atau ingin mencuba sendiri.

"Penerangan betul mengenai kemahiran hidup dan kesihatan pembiakan termasuk pendidikan seks perlu dilaksanakan di kalangan remaja kerana perubahan corak hidup sekarang yang lebih terdedah dengan pelbagai perkara.

"Segelintir pihak beranggapan pendidikan seks tidak perlu diajar, kerana lambat-laun mereka akan tahu sendiri, memang benar, tetapi bagaimana cara mereka tahu? Menerusi pembacaan atau melalui hubungan yang tidak sihat atau sah?

"Inilah yang berlaku apabila ruang lingkup pendidikan seks hanya dilihat daripada hubungan kelamin sedangkan akibat buruk menerusi perhubungan yang tidak selamat itu selalunya sering diketepikan," katanya yang menyatakan pendidikan seks yang disasarkan kepada remaja pada usia antara 10 hingga 19 tahun.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja mengenai pendidikan seks pada Persidangan Antarabangsa Persatuan Kesihatan Ibu (Iamanah) dan Bayi Ke-8 yang berlangsung selama empat hari di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Persidangan itu dihadiri kira-kira 200 peserta antaranya doktor, jururawat dan paramedik dari Malaysia dan luar negara.

Persidangan itu dirasmikan penaung Persatuan Kesihatan Ibu dan Bayi Malaysia (Mamanah) yang juga isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Katanya, pendidikan berkenaan penting bukan saja membabitkan hubungan seks tetapi perkara lain termasuk kesuburan dan penyakit berjangkit yang berpunca daripada hubungan seks kerana dewasa ini ada remaja seawal usia 13 tahun sudah menghidap penyakit berjangkit akibat hubungan seks.

"Walaupun isu itu mendapat perhatian tetapi masih ada perdebatan dalam isu berkenaan termasuk penyalahgunaan maklumat oleh golongan sasaran itu sendiri atau ibu bapa dan guru sendiri yang tidak bersedia dengan maklumat tepat.

"Bukan semua guru dan ibu bapa bersedia memberi penjelasan membabitkan mata pelajaran berkenaan, oleh itu pembabitan institusi lain sangat dialu-

alukan bagi menangani masalah kurang selesa di kalangan ibu bapa atau guru terhadap isu ini.

"Antara faktor paling penting ialah mengambil kesempatan yang ada untuk mendidik anak dalam isu berkenaan dan bukan hanya mengharapkan orang lain atau institusi pendidikan saja yang melaksanakan sedangkan ibu bapa hanya membisu," katanya.

Menerusi pengalamannya, ada ibu bapa yang menekankan kepada anak perempuan mereka "lakukan apa saja asalkan jangan mengandung?" Betulkah cara ini? Sedangkan secara tidak langsung ia memberikan gambaran salah mengenai perhubungan dan kesihatan, iaitu boleh melakukan seks, menggunakan kondom atau mengambil pil perancang keluarga asalkan tidak mengandung!

Beliau menjelaskan pelaksanaan pendidikan seks perlu dilihat dari beberapa sudut, misalnya kaedah penyampaian yang perlu dilakukan secara bijaksana serta kawalan terhadap proses pendidikan itu sendiri.

"Pakar termasuk pegawai perubatan misalnya, boleh berfungsi penting dalam menyalurkan maklumat tepat dan berkesan dalam usaha memberi penjelasan lebih terperinci.

"Persoalan seks yang berkait dengan maruah sememangnya membabitkan pendidikan agama yang mampu mengekang gejala negatif pada peringkat awal. Malah, tugas menyemai nilai murni berlandaskan agama sejak kecil serta penghayatan terhadap ajaran itu tidak harus dipikul sesetengah pihak saja.

"Meskipun pendidik diberi tugas melaksanakan tanggungjawab, namun asuhan murni anak tetap menjadi tugas penting ibu bapa yang mempunyai hubungan paling hampir dengan anak," katanya.

Pada zaman serba maju dan global ini tidak seharusnya pendidikan seks dilihat sesuatu yang mengaibkan kerana membabitkan kesejahteraan hidup masyarakat. Pelbagai pihak khususnya ibu bapa perlu menyediakan diri dengan ilmu pengetahuan membabitkan perkara berkenaan kerana ia bukan semata-mata membabitkan perhubungan kelamin tetapi lebih daripada itu.

Penulis ini menarik perhatian dengan kes seorang wanita yang dijangkiti Aids daripada suaminya yang langsung tidak tahu bagaimana mengatasinya malah sering melakukan liwat kerana suaminya menyatakan ia sesuatu yang biasa dalam perhubungan suami isteri.

Dalam kes ini, siapa yang perlu dipersalahkan? Sekiranya ibu bapa jahil, tidak berilmu, bagaimana ingin menjawab pelbagai persoalan yang akan lahir dari mulut anaknya nanti? Tepuk dada tanya selera.